

## 'Johor adalah contoh terbaik'

**JOHOR BAHRU** - Johor merupakan antara negeri yang boleh dijadikan contoh oleh pemaju dalam membangunkan taman perindustrian yang dapat memenuhi kehendak pelabur, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr Ong Kian Ming.

Menurutnya, pembangunan infrastruktur dan fasiliti di taman perindustrian perlu diberi keutamaan untuk pastikan Malaysia terus menarik pelabur selain bersedia untuk hadapi Revolusi Industri 4.0.

"Kita perlu memastikan kawasan perindustrian mempunyai infrastruktur dan fasiliti yang menepati standard dan kehendak pelabur jika kita mahu menarik pelaburan langsung asing (FDI) dalam negara.



**KIAN MING**

"Johor adalah contoh yang baik kerana mempunyai taman perindustrian dengan standard dan pencapaian yang tinggi selain pemaju yang baik seperti Kumpulan AME (i-Park @ Senai Airport City) yang dapat dijadikan contoh selain negeri lain seperti Selangor, Pulau Pinang," katanya.

Beliau berkata demikian

selepas merasmikan Forum Taman Perindustrian anjuran Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) dengan kerjasama Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM), di sini, semalam.

Ong berkata, pelaburan di negeri ini meningkat berikutan dapat memenuhi keperluan dan kehendak pelabur terutamanya syarikat multinasional (MNC).

"Pemaju juga dapat membangunkan infrastruktur selari dengan standard dan keperluan pelabur," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, pemaju perlu pastikan pembinaan infrastruktur dan fasiliti selari dengan kehendak industri terutamanya berkaitan kelajuan capaian internet. *Bernama.*